

24 APR 2002

CHINA-ASIA/I (Bergambar)

KEMUNCULAN CHINA SEBG KUASA EKONOMI SUMBANG KPD KEMAKMURAN ASIA

KUALA LUMPUR, 24 April (Bernama) -- Naib Presiden China, Hu Jintao hari ini berkata kemunculan China sebagai kuasa ekonomi akan menyumbang kepada kestabilan dan kemakmuran Asia kerana kemasukannya ke Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) akan menyediakan pasaran yang luas dan peluang perniagaan yang lebih banyak di rantau ini.

"Dalam tempoh lima tahun akan datang, ekonomi China yang lebih terbuka akan menyediakan rakan-rakan niaganya dengan peluang perniagaan yang bernilai kira-kira AS\$1.5 trilion," kata beliau dalam ucapan khasnya di majlis anjuran Institut Kepimpinan Strategik Asia (ASLI) di sini hari ini.

Hu, yang kini dalam rangka lawatan rasmi empat hari ke Malaysia berkata yang China telah menimbang sepenuhnya keperluan negara-negara Asia apabila membuka pasarannya yang luas itu.

Tatkala China berusaha mempercepatkan pelaksanaan strategi negaranya iaitu "tembusi pasaran sejagat/global", ia juga akan meningkatkan pelaburannya di negara-negara Asia yang lain.

Naib presiden itu berkata yang pertumbuhan ekonomi pesat China adalah serentak dengan peningkatan perdagangannya yang memberangsangkan dengan lain-lain negara Asia.

Contohnya, beliau berkata, perdagangan dua hala China dengan negara-negara Asean telah meningkat kepada AS\$41.6 bilion dalam tahun 2001 berbanding dengan AS\$8.0 bilion dalam tahun 1991.

Beliau menambah ketika berlaku krisis kewangan Asia pada tahun 1997/1998, dagangan dua hala kekal pada pertumbuhan purata tahunan 20 peratus.

Hu berkata Asean terus menikmati lebih dagangan dengan China di mana lebih tahun 2001 ialah pada AS\$5.0 bilion.

"Dengan taraf hidup yang kian baik, lebih ramai lagi rakyat China telah mengembara ke luar negara dan sebahagian besar telah melawat rantau Asia Tenggara.

Hu berkata dengan globalisasi ekonomi, saingan di antara negara-negara kemungkinan menjadi semakin sengit dan China bersedia untuk membantu negara-negara Asean dalam usaha mereka menjadi lebih kompetitif.

Merujuk kepada krisis kewangan Asia, beliau berkata sebagai "sebuah negara yang bertanggungjawab", China telah membantu negara-negara jirannya dengan tidak menurunkan nilai matawangnya.

"Sejak tahun lepas, kami terus memastikan yang matawang kami berada dalam keadaan stabil walaupun pertumbuhan eksport kami begitu lembap di celah-celah kemelesetan ekonomi dunia, sekali gus memainkan peranan penting dalam memudahkan lagi pemulihan ekonomi di Asia," kata beliau.

Beliau berkata apa yang penting sekarang bagi negara-negara membangun ialah untuk tidak bersaing di antara satu sama lain, tetapi menghadapi cabaran-cabaran mendatang menerusi kerjasama yang lebih erat.

"Perkembangan China sukar dicapai tanpa Asia, begitu juga dengan kemakmuran Asia (sukar dicapai) tanpa China. Sejarah telah menunjukkan dan akan terus membuktikan yang China merupakan penggerak positif ke arah menjadikan Asia lebih kukuh dan stabil," tambah beliau.

Hu turut menyifatkan Asia sebuah benua yang begitu dinamik dengan potensi pertumbuhan yang menggalakkan memandangkan pada masa ini Asia menyumbang 30 peratus daripada jumlah perdagangan dunia.

Beliau juga menyedari yang pembangunan Asia telah terjejas oleh banyak halangan yang perlu ditangani segera.

"Pencapaian Asia dalam tempoh 50 tahun lepas menjadi pendorong untuk kita terus yakin terhadap masa depan kita. Dalam gelombang globalisasi ini, kita mempunyai kapasiti untuk terus mantap dan bertapak kukuh," tambah beliau.

Naib presiden itu menegaskan yang perhatian utama negara Asia ialah mengukuhkan lagi perpaduan dan kerjasama di samping mengekalkan lagi pembangunan yang teguh dan mapan.

Hu juga berkata yang semua negara Asia sepatutnya terus menghormati semangat kata sepakat, gradualisme dan kepentingan bersama, sekali gus meningkatkan lagi kerjasama pada peringkat dua hala dan serantau bagi mencapai kemakmuran bersama.

"Adalah menjadi harapan kita yang Asean akan memainkan peranan yang lebih penting dalam kerjasama serantau berasaskan Asia," kata beliau.

Pada bulan November lepas, China menandatangani perjanjian dengan 10 anggota ASEAN untuk mewujudkan zon perdagangan bebas besar dalam tempoh 10 tahun.

Beliau berkata kerjasama 10+3 telahpun menjadi "peristiwa menarik" dalam kerjasama serantau.

Hu turut memuji pencapaian Malaysia dan kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang membawa kepada perkembangan perindustrian yang begitu pesat.

"Sebaik sahaja saya menjejak kaki di negara ini, saya telah dapat rasakan getarannya yang begitu dinamik. Izinkan saya memberi tabik hormat kepada semangat perjuangan anda yang gigih dan pencapaian yang mengagumkan," tambah beliau.

Hu berkata kejayaan Malaysia adalah contoh baik untuk negara-negara membangun yang lain di dunia ini.

Beliau kagum dengan dasar asing Malaysia mengenai kekecualian, dedikasinya dalam memainkan peranan unik mengekalkan hak dan kepentingan negara-negara membangun dan kesediaan negara membantu mengekalkan keamanan dan kestabilan di rantau ini.

"Mengukuhkan hubungan komprehensif semangat kejiwaan, setiakawan dan kerjasama antara China dan Malaysia merupakan persefahaman bersama yang penting bagi kedua-dua kerajaan dan juga rakyat," tambah beliau.

Hu juga berkata yang China akan terus berusaha mengekalkan jalinan kerjasama, bertukar-tukar pendapat antara pemimpin utama kedua-dua buah negara. Dan pada pelbagai peringkat pula, kedua-dua buah negara akan meningkatkan lagi pemahaman dan kepercayaan bersama di samping menggalakkan lagi kerjasama dalam perdagangan, ekonomi, sains, teknologi, kebudayaan dan bidang-bidang yang lain.

-- BERNAMA

ER KTC AA